

B B042 AAB

RML - MAHATHIR (PENGANGGURAN)

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DI DEWAN RAKYAT HARI INI BAHAWA PENINGKATAN PENGANGGURAN TIDAK AKAN DAPAT DIELAKKAN DALAM KEADAAN EKONOMI NEGARA YANG LEMBAB SEKARANG.

KATANYA, JUMLAH PENGANGGUR DI NEGARA INI DIJANGKAKAN AKAN MENINGKAT KEPADA 684,200 ORANG MENJELANG 1990 BERBANDING DENGAN 448,600 ORANG PADA TAHUN LEPAS.

SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PENGANGGUR DIJANGKA TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG BARU MEMASUKI PASARAN BURUH TANPA MEMPUNYAI KEMAHIRAN KERJA YANG BERKAITAN, KATANYA, KETIKA MEMBENTANG USUL MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG KE SELURUH NEGARA OLEH RTM.

UNTUK MENGHADAPI PENINGKATAN PENGANGGURAN ITU, KATANYA, KERAJAAN TELAH DAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU TERMASUK PEMBINAAN 80,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH SETAHUN, MENGUBAH SYARAT TANAH LOMBONG BAGI TUJUAN PERTANIAN, PEMBINAAN JALAN DAN KERJA-KERJA KECIL YANG MENGGUNAKAN TENAGA BURUH SECARA INTENSIF, LATIHAN SEMULA PENGANGGUR DAN PENSWASTAAN KEGIATAN-KEGIATAN TERPILIH.

KERAJAAN JUGA, TEGAS BELIAU, AKAN MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENYEDIAKAN PEKERJAAN SEMENTARA KEPADA SISWAZAH-SISWAZAH YANG MENGANGGUR DENGAN MENEMPATKAN MEREKA DI AGENSI-AGENSI ATAU PROJEK-PROJEK KERAJAAN DENGAN GAJI NOMINAL. -- LAGI
1614MST 21 03 86

D771

B B044 AAB

RML - MAHATHIR (PENGANGGURAN) 2 KUALA LUMPUR
PERDANA MENTERI BERKATA TUMPUAN YANG LEBIH JUGA AKAN DIBERI
KEPADA USAHA-USAHA BAGI MELATIH TENAGA BURUH DALAM
KEMAHIRAN-KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA.

BELIAU BERHARAP AHLI-AHLI PERINDUSTRIAN DAN PENDIDIKAN DI
UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN INSTITUSI TEKNIK DAPAT MENGGUBAL
STRATEGI-STRATEGI DAN DASAR-DASAR UNTUK MENINGKATKAN KESESUAIAN DAN
KEBERKESANAN KOS BAGI PROGRAM-PROGRAM LATIHAN.

DASAR-DASAR KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBERI PENEKANAN TERHADAP
SINDRUM YANG MENGUTAMAKAN SIJIL ATAU IJAZAH, KATANYA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA PEMODENAN INDUSTRI DAN
PENGUNAAN TEKNOLOGI YANG LEBIH MAJU MEMERLUKAN TENAGA PEKERJA YANG
MEMILIKI KEMAHIRAN YANG SESUAI.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN BAHAWA SEGALA
USAHA KERAJAAN ITU TIDAK AKAN BERJAYA SEKIRANYA SOKONGAN DARIPADA
SEKTOR SWASTA DAN RAKYAT TIDAK DIPEROLEHI. -- LAGI
1616MST 21 03 86

D773

B B045 AAB

RML - MAHATHIR (PENGANGGURAN) 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA TENAGA KERJA MENGIKIS SIKAP
PREJUDIS TERHADAP JENIS-JENIS PEKERJAAN ATAU TERLALU MEMILIH KERJA
TETAPI SEBALIKNYA MESTI BERSEEDIA MENERIMA SEBARANG PEKERJAAN
WALAU PUN GAJI YANG DITAWARKAN LEBIH RENDAH.

+ PENCARI-PENCARI KERJA SEHARUSNYA BERSEEDIA MENGHADAPI RISIKO
DAN SANGGUP BERPINDAH KE TEMPAT YANG TERDAPATNYA PELUANG-PELUANG
PEKERJAAN DAN TIDAK MENGHARAPKAN PEKERJAAN DATANG MENCARI MEREKA.

+ OLEH YANG DEMIKIAN, KECENDERUNGAN PENCARI-PENCARI KERJA UNTUK
MENDAPATKAN PEKERJAAN KOLAR-PUTIH HENDAKLAH DIUBAH SELARAS DENGAN
KEPERLUAN EKONOMI YANG LEBIH MEMERLUKAN PEKERJA-PEKERJA MAHIR,+ KATA
PERDANA MENTERI.

DI SAMPING ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN
PENCARI-PENCARI KERJA BERSIKAP LEBIH BERDIKARI, MEMPUNYAI DORONGAN
DAN SANGGUP BERSAING SERTA TIDAK HARUS MEMBUAT TUNTUTAN GAJI YANG
TIDAK SETIMPAL DENGAN TAHAP PRODUKTIVITI MEREKA.

+ TUNTUTAN YANG TIDAK MUNASABAH DAN PERASAAN TIDAK PUAS HATI DI
KALANGAN PARA PEKERJA AKAN JUGA MENYEBABKAN KEGAGALAN PROGRAM
KERAJAAN YANG BERTUJUAN MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT. -- LAGI
1620MST 21 03 86

D774

B B046 AAB

RML - MAHATHIR (PENGANGGURAN) 4 KUALA LUMPUR

+ MEREKA JUGA HARUS MENYEMAI SEMANGAT BERANI MENGHADAPI CABARAN
DAN SIKAP KEUSAHAWANAN SERTA SANGGUP BEKERJA SENDIRI.

+ KESANGGUPAN BEKERJA SENDIRI INI AKAN MENGHASILKAN KEMAHIRAN
DALAM BIDANG PERNIAGAAN, MEMUPUK SIKAP KEUSAHAWANAN DAN SIKAP INGIN
BERJAYA SERTA SEMANGAT SANGGUP BERSAING SEMASA BEKERJA,+ TEGAS DATUK
SERI DR. MAHATHIR. -- BERNAMA
1621MST 21 03 86